



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**26 APRIL 2017**

**Disediakan oleh: Unit Komunikasi Korporat**

## ISU: SKIM INSURANS PEKERJA UNTUK PENJAWAT AWAM

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	26 APRIL 2017 (RABU)	<b>SINAR HARIAN</b> Ceupacs cadang insurans Perkeso buat penjawat awam	<b>PERKESO CUEPECS</b>

### AKHBAR : SINAR HARIAN

#### Ceupacs cadang insurans Perkeso buat penjawat awam



*Azih (tengah) menyampaikan cenderahati kepada wakil-wakil KKUUiT di Dewan Al Biruni UiTM Cawangan Pahang di sini.*

**BANDAR JENKA** - Kerajaan diminta melaksanakan Skim Perlindungan Insurans 24 jam kepada penjawat awam yang ditimpa bencana, di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Ceupacs), Datuk Azih Muda berkata, sudah tiba masanya kerajaan melihat pelaksanaan perlindungan insurans ini secara menyeluruh dan mandatori, terhadap semua penjawat awam, tidak kira sama ada kontrak, tetap dan sementara.

Menurutnya, pelaksanaan perlindungan ini sebagai jaminan kepada penjawat awam sekiranya berlaku sebarang musibah ketika penjawat awam tersebut sedang berkhidmat, sama ada di dalam mahu pun luar negara. "Walaupun sudah ada perlindungan di bawah Skim Ex Gratia yang diuruskan di bawah Kementerian Kewangan, tetapi manfaat yang diberikan skim ini jauh lebih rendah berbanding manfaat yang diberikan oleh Perkeso kepada pencarum-pencarumnya. "Ceupacs amat berharap pertimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk meluluskan cadangan ini di dalam belanjawan negara sesi 2018 nanti. Perlindungan itu nanti akan menggantikan Skim Ex Gratia dengan menyerahkannya kepada Perkeso.

"Komitmen penjawat awam pula adalah dengan mencarum sebahagian daripada amaun manakala sebahagian lagi caruman adalah di pihak majikan iaitu kerajaan. Atau mungkin kaedah lain di bawah Skim Perlindungan Penjawat Awam Perkeso itu nanti. Perkara ini telah dibentangkan kepada Ketua Setiausaha Negara." katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas berucap di hadapan lebih 200 ahli persatuan Kesatuan Kakitangan Umum UiTM (KKUUiT) Cawangan Pahang, di sini, dalam Mesyuarat Agung Tri Tahunan ke 28 dan Taklimat Isu Semasa Ceupacs di sini, hari ini. KKUUiT adalah sebuah kesatuan sekerja ditubuhkan pada 17 Februari 1974 bertujuan mengatur dan menjalin hubungan baik

di antara majikan dengan pekerja, ahli dengan ahli serta dengan mana-mana hubungan agar dapat menyelesaikan perselisihan di antara mereka dengan permuafakatan. Pada mesyuarat agung kesatuan tersebut, Azih turut meminta UiTM menghimpun masalah atau persoalan akar umbi UiTM untuk dibawa ke meja perundingan.

Sementara itu Azih berkata, Ceupacs melihat apa yang telah dilaksanakan oleh Perkeso dari segi kebajikan penjarumnya, termasuk pembinaan pusat Rehabilitasi Tun Abdul Razak Perkeso di Durian Tunggal Melaka, adalah suatu usaha murni yang memberikan manfaat optimum kepada penjarum Perkeso "Ia adalah satu pusat pemulihan "*Return To Work*" yang membantu dan memberi ruang kepada penjarumnya menjalani pemulihan sekali gus mengoptimumkan pemulihan pesakit agar mereka kembali bekerja dengan cepat. "Begitu juga manfaat pencen ilat dan kecacatan kekal yang kita lihat dalam pelaksanaan yang dibuat Perkeso. Manfaat-manfaat inilah yang kita lihat sebagai kepentingan untuk melindungi penjawat awam di dalam Skim Perlindungan Insurans itu nanti," katanya.